# STUN 18.3SC

RACUN ANAI-ANAI | PEKATAN AMPAIAN (SC)

**UNTUK KAWALAN MAKHLUK PEROSAK (PCO) SAHAJA**


Anai - anai (20x)

**Perawis Aktif: imidacloprid .................................. 18.3% w/w**
**Perawis Lengai: ................................................ 81.7% w/w**

**UNTUK DIKENDALIKAN OLEH OPERATOR KAWALAN MAKHLUK PEROSAK *(PCO)* BERLESEN SAHAJA**

**No. Pendaftaran: LRMP. R3/7418**

Tarikh Mengilang: 240623 F2
Tarikh Luput:

Kandungan Bersih: 1 liter


Didaftarkan oleh:
**Hextar Chemicals Sdn. Bhd.**
198501000618 (133061-V)
Lot 5, Jalan Perigi Nenas 7/3, Fasa 1A,
Pulau Indah Industrial Park,
42920 Pelabuhan Klang,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Tel.: 03-30033333


Jika berlaku **KERACUNAN**, sila hubungi **TALIAN KECEMASAN**: 999

**BACA LABEL SEBELUM GUNA**

**STUN 18.3SC** ialah sejenis racun anai-anai sistemik yang mengandungi perawis aktif daripada kumpulan 'neonicotinoid' yang bertindak secara sentuhan dan keracunan perut .

**ATURAN PENGGUNAAN: Penggunaan tidak mengikut label adalah satu kesalahan di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974.**

| KAWASAN/ TEMPAT | PEROSAK | KADAR RACUN 10 LITER AIR | CATATAN |
|---|---|---|---|
| Tapak pembinaan | Anai-anai (*Coptotermes curvignathus*) | 12.5 ml | Siram 5 liter bancuhan bagi setiap $m^2$ pada permukaan tanah sebelum ditutup dengan simen. |
| Bangunan lama dan baharu | Anai-anai (*Coptotermes curvignathus*) | 12.5 ml | Buat lubang suntikan (13 mm diameter) 15 cm dari dinding sepanjang dinding dengan jarak antara lubang (50 cm) dan suntik 5 liter bancuhan ke dalam setiap lubang. Lakukan pemantauan setiap tahun dan ulang rawatan sekiranya tanda-tanda serangan kelihatan. |

**Panduan Membancuh:** Campurkan **STUN 18.3SC** secukupnya mengikut syor yang ditetapkan dalam jadual sukatan dan bancuh. Seterusnya tambah baki air bersih yang diperlukan dan kacau. Jangan guna pada kadar lebih tinggi daripada yang disyorkan. Jangan simpan baki bancuhan **STUN 18.3SC** di dalam tangki penyuntik tanah.

**AWAS:**

a) Bahaya Kepada Manusia: Berbahaya jika tertelan. Elakkan daripada terhidu wasap atau kabus semburan. Elakkan daripada terkena kulit atau mata. Ketika mengendalikan produk ini, **JANGAN** makan, minum atau merokok. Selepas mengendalikan produk ini, pastikan tutup bekas racun dengan rapat dan simpan di tempat berkunci yang mempunyai peredaran udara yang baik, kering dan dingin. Cuci alat penyembur sebersih-bersihnya selepas menggunakannya. Pastikan mandi sebersih-bersihnya menggunakan sabun dan air yang banyak.

Pakaian dan Alat Perlindungan: Ketika mengendalikan produk ini, pastikan pakai pakaian pelindung diri (PPE) berpiawaian termasuk sarung tangan, gogal, kasut getah, penutup muka dan alat pernafasan mengikut kesesuaian (Rujuk Risalah Data Keselamatan).

b) Bahaya Pada Alam Sekitar: Produk ini adalah berbahaya pada organisma akuatik, ikan dan lebah. **JANGAN** cemarkan kolam, sungai atau saliran air dan **JANGAN** sembur semasa lebah aktif mencari makanan.

**TANDA KERACUNAN:**

**Tanda Awal:** Mual, muntah, cirit-birit, sakit perut, sakit kepala, kerengsaan (kemerahan, gatal), tremor (anggota badan bergetar), mengantuk, otot lemah, air liur berlebihan, anak mata mengecil, peluh berlebihan.

**Tanda Tertangguh:** Kerengsaan kulit (kemerahan, gatal), sawan, koma.

**RAWATAN KECEMASAN:** Jika terkena pakaian, tanggalkan kesemua pakaian, mandi dengan segera dan ganti pakaian yang bersih. Jika terkena pada kulit, bersihkan dengan sabun dan air yang banyak. Jika terkena pada mata, tanggalkan kanta lekap (jika ada) alirkan air yang banyak pada bahagian mata sekurang-kurangnya 15 minit. Jika tertelan, **JANGAN** ikhtiarkan untuk muntah dan **JANGAN** beri apa-apa melalui mulut. Jika terhidu, pindahkan mangsa ke kawasan pengudaraan yang bersih. Bawa mangsa ke Pusat Perubatan/Klinik/Hospital yang terdekat dengan segera. Dinasihatkan bawa bersama label atau bekas racun perosak.

**BILAS BEKAS KOSONG TIGA (3) KALI SEBELUM MELUPUSKANNYA. JANGAN GUNAKAN BEKAS RACUN UNTUK MENYIMPAN MAKANAN.**

**JAUHKAN DARIPADA MAKANAN DAN KANAK-KANAK**

**KELAS IV**

**KEEP AWAY FROM FOODSTUFF AND CHILDREN**

**勿贮藏在靠近食品或儿童所接触的地方**

உணவுகள் மற்றும் குழந்தைகளுக்கு அருகில் வைக்காதீர்

Restricted to COMPEST SDN BHD customers only